مجليس باندراي ملاک برسجاره

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod dan bidang pendaftaran yang berkaitan (alamat berdaftar Negeri Melaka),** memenuhi syarat **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** iaitu **masih berkuatkuasa dan berstatus "PATUH"** serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan **tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** semasa tarikh tutup sebut harga bagi kerja berikut :

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
MBMB/SH/2026/98 **PERKHIDMATAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM PAM KAWALAN BANJIR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH** **PERUNTUKAN : MBMB** **TARIKH KELULUSAN : 13/10/2026** **NO. FAIL JABATAN : MBMBJIKL.400-10/2/345(2)**	**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** **220507–** Pump/ Paip Air dan Komponen (Negeri Melaka) **DAN;** **221003 –** Mengangkat sampah (Negeri Melaka)	**HARGA** **RM10.00** * Tidak akan dikembalikan **TARIKH** **6 November 2026 (Jumaat) sehingga 12 November 2026 (Khamis)**	**6 November 2026 (Jumaat)** **Jam 10.00 pagi.** Berkumpul di **Bangunan Pejabat JIKL, Kompleks Logistik MBMB, Jalan Datuk Seri Mohd Zin, Batu Berendam, Melaka.** Koordinat Lokasi : **2.253471, 102.243260** 1. Taklimat tapak adalah **DIWAJIBKAN** 2. Hanya penama di dalam sijil (MOF) yang sah sahaja dibenarkan membuat pendaftaran Taklimat Tapak 3. Surat Kebenaran Khas adalah **TIDAK DIBENARKAN**	**TARIKH** **12 November 2026 (Khamis) pada jam 12.00 tengah hari** Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. --- Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Naskah sebut harga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat **https://stom.melaka.gov.my.** Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebut harga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebut harga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **6 November 2026 (Jumaat) sehingga 12 November 2026 (Khamis).**

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan).** Jika sebut harga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,

DATUK BANDAR
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PIKL
Ketua Audit Dalam